

23 APR 2001

MAHATHIR-RMK8 (PENSWASTAAN)

PENILAIAN PROJEK LEBIH TELITI BAGI PROGRAM PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Prosedur penilaian projek yang lebih teliti termasuk menggunakan perkhidmatan pakar runding dan juru audit bebas akan dilaksanakan dalam program penswastaan, kata Perdana Menteri hari ini.

Selain daripada itu, kajian soal selidik akan dijalankan bagi mendapat pandangan rakyat ke atas projek-projek yang diswastakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan usul Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) di Dewan Rakyat di sini.

"Bagi melindungi kepentingan pengguna dan memastikan pembangunan yang sihat dalam sektor yang terlibat dengan penswastaan, langkah untuk menyusun semula badan kawal selia akan dipercepat dan diperkukuhkan melalui sokongan perundangan dan peningkatan keupayaan badan tersebut," tambahnya.

Dr Mahathir berkata program penswastaan memberi keutamaan yang tinggi kepada projek-projek yang boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dan berdaya maju serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, kerajaan akan mengenal pasti projek-projek yang dapat menjana kesan pengganda dan meningkatkan kualiti perkhidmatan terutama di sektor pengangkutan, pembinaan dan utiliti.

Beliau menjelaskan, menerusi program penswastaan, rakyat dapat menikmati kemudahan yang lebih baik kerana sekiranya projek-projek ini hendak dilaksanakan oleh kerajaan, kebanyakannya perlu ditanggung bertahun-tahun sehingga Kerajaan mempunyai sumber pembiayaan yang mencukupi.

Di samping itu, penswastaan telah menyediakan peluang pekerjaan yang sebahagian besarnya memerlukan kemahiran baru dan teknologi yang lebih canggih, kata Dr Mahathir.

"Entiti yang diswastakan telah melaksanakan program untuk melatih semula pekerja serta meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka," tambahnya.

Perdana Menteri berkata kos kemudahan-kemudahan yang disediakan projek penswastaan dapat dikurangkan kerana kerajaan memindahkan hartanya pada harga yang murah kepada pihak swasta dan memberikan pinjaman dengan faedah rendah.

Dengan ini bayaran oleh orang ramai untuk khidmat yang diberikan oleh syarikat swasta dapat dikurangkan.

"Umpamanya jika kos sepenuhnya terpaksa dibayar oleh syarikat untuk lebuhraya, tol yang perlu dibayar mungkin RM1 untuk satu kilometer. Tetapi kerana subsidi oleh kerajaan tol di Malaysia adalah yang terendah sekali di dunia. Demikian jugalah dengan kemudahan-kemudahan awam lain yang diswastakan," jelasnya.

Dr Mahathir juga berkata melalui penswastaan kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan modal berjumlah RM49.2 bilion manakala hasil yang diperolehi daripada penjualan ekuiti dan aset berjumlah RM4.4 bilion.

Ini membolehkan kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk perkhidmatan sosial seperti pendidikan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada rakyat, terutamanya golongan miskin dan kawasan luar bandar, katanya. -- BERNAMA

MAD OS